


Newspaper	BERITA HARIAN
Date	11 SEPTEMBER 2016

Pertemuan sekadar penuh agenda peribadi demi capai cita-cita politik

BH-11/9/2016



pelbagai isu dihadapi pentadbiran negara ketika ini, kita tidak perlukan lagi masalah dalaman.

Kehadiran parti PPBM tidak akan menggoyahkan Barisan Nasional (BN), yang dimantapkan dengan komponen MCA, MIC.

S: Kehadiran parti baharu, PPBM agresif meraih perhatian pembangkang dan orang ramai. Apakah senario sebenarnya?

J: Parti baharu platform pembangkang dan yang nak jadi pembangkang. Kerajaan membuktikan demokrasi berpolitik dengan meluluskan permohonan penubuhan parti itu. Prestasinya akan dilihat pada pilihan raya akan datang. Saya melihat, parti baharu memabitkan persaingan antara individu yang berkepentingan sendiri dengan beberapa individu lain, bukannya persaingan antara parti.

Individu yang kecewa dengan UMNO, selalu menubuhkan parti baharu. Sudah banyak bukti terdahulu. Parti serpihan tidak berjaya semata-mata nak menaikkan seseorang individu. Orang ramai masih percaya kepada kemantapan UMNO. Parti baharu ini adalah parti bermusim, seperti cendawan tumbuh selepas hujan.

Ini semua satu sandiwara semata-mata. Satu perkara dipersoalkan, di manakah integriti Dr Mahathir sebagai bekas Perdana Menteri yang memiliki kredibiliti tinggi sehingga sanggup merendahkan kedudukannya bertemu orang yang pernah 'dimusnahkannya'. Sebagai ahli politik, kita perlukan keyakinan orang terhadap kita, perlu ada integriti tinggi dan integriti institusi.

Anuar Shaari

S: Sebagai orang yang rapat dengan Anwar, bagaimanakah saudara melihat pertemuan antara Dr Mahathir dengan Anwar?

J: Pada saya, mereka saling mempergunakan antara satu sama lain. Dr Mahathir mempunyai agenda tersendiri yang bukan lagi rahsia, iaitu menumbangkan kepemimpinan pentadbiran negara hari ini. Begitu juga Anwar, hasratnya dari dulu mahu menjadi Perdana Menteri. Untuk merealisasikan cita-cita mereka, perlu ada satu peluang yang kuat dan sehingga sampai satu tahap, tujuan itu boleh menghalalkan apa sahaja.

Apabila Dr Mahathir merendahkan diri di mahkamah, jelas beliau ada agenda untuk menjatuhkan barisan kepemimpinan parti sedia ada dan tidak berhenti setakat itu sahaja, sebaliknya akan ada perancangan yang lebih jauh, iaitu untuk menaikkan nama Perdana Menteri pilihan mereka. Pertemuan itu bukan sesuatu yang perlu diuar-uarkan, tetapi kita perlu mengambil tindakan berhati-hati kerana mereka ini dikenali dan dilabelkan penganalisis politik sebagai *political animal*. Mereka sanggup menggunakan apa sahaja cara dan menghalalkan tindakan untuk mencapai cita-cita mereka.

S: Adakah Anwar akan terpedaya lagi selepas dua kali dimasukkan ke penjara kerana orang yang sama - Dr Mahathir, adakah beliau sanggup untuk bekerjasama?

J: Saya melihat isu paling besar adalah untuk menjayakan cita-cita mereka, bukan soal mema-

afkan. Seperti yang saya maklum, mereka akan mempergunakan apa sahaja cara. Pegangan Anwar - buat dulu, fikir kemudian. Apabila beliau nampak peluang, ada sokongan dalam kalangan PKR, dari dalam UMNO sendiri walaupun samar, dia nak manipulasikan kekuatan Dr Mahathir untuk mencapai cita-citanya, dan perkara pokoknya - menumbangkan kerajaan sedia ada. Apa yang pasti, selepas kepemimpinan sekarang sudah jatuh tidak menjadi soal pokok lagi kepada mereka, kerana perkara itu akan difikirkan selepas mereka berjaya.

S: Kemungkinan akan ada pemimpin PKR yang tidak setuju sekiranya ada usaha sama antara Anwar dan Dr Mahathir, adakah Anwar akan mengambil kira perkara berkenaan?

J: Anwar sebenarnya tidak pernah ambil peduli apa kehendak ahli sejak dulu. Banyak keputusan beliau adalah keputusan sendiri tanpa berbincang dengan barisan kepemimpinan parti. Prinsip beliau "kita buat dulu, sudah dapat kuasa baru kita fikirkan". Saya masih ingat, selepas dia mempromosikan DAP dalam Pakatan Rakyat, inilah tindakan dia walaupun kita sudah jangka natiyah atau masalah akan berlaku sekiranya Pulau Pinang diperintah DAP.

Tetapi beliau mengambil pendekatan mahu menang dulu, apa berlaku selepas itu akan difikirkan kemudian, sedangkan sudah jelas, Anwar sudah seperti hilang kawalan ke atas Lim Guan Eng, selepas DAP berkuasa di Pulau Pinang. Guan Eng sendiri sudah tidak mendengar arahnya tetapi Anwar seolah-olah memberi harapan

palsu kepada pemimpin Pakatan Rakyat ketika itu. Sasaran Anwar hanya mahu mencapai apa yang beliau mahukan, soal perlu buat apa, siapa yang kena pijak tiada dalam kamus hidupnya.

S: Anwar dilihat tidak selesa mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir tetapi tetap bersalaman serta menunjukkan wujud kerjasama?

J: Pertemuan itu sangat singkat, mungkin tidak banyak yang boleh dibincangkan. Anwar bijak orangnya. Saya melihat reaksi badan walaupun tidak selesa, tetapi berjalan lancar kerana beliau hendak menjaga hati keluarga, penyokong beliau yang selama ini tidak selesa dengan Dr Mahathir.

Sudah banyak pemimpin PKR yang sudah tidak mempercayai Dr Mahathir begitu juga Anwar. Bibit perpecahan dalam PKR sudah lama, selepas kes penyingkiran Menteri Besar Selangor, Tan Sri Khalid Ibrahim. Menteri Besar sekarang, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, bercita-cita besar yang mempergunakan antara Dr Mahathir dan Anwar yang sebenarnya tidak memberikan keuntungan kepada kedua-dua mereka. Sudah wujud bantahan jelas ketika ini, tetapi PKR akan menutup apa juga krisis. Saya yakin, ketika kongres mesyuarat cabang bermula akan datang, akan ada pemimpin PKR membuat bantahan terbuka.

S: Sejak bila Anwar menyatakan pendirian mahu menjadi Perdana Menteri?

J: Beliau tidak menyatakan secara terang, tetapi apabila beliau mula memenangi kerusi Ketua Pemuda, kita nampak hasrat dan cita-citanya tinggi. Beliau mula memperkatakannya. Tetapi 'warna' sebenar Anwar adalah - talam dua muka, di depan lain di belakang lain. Apabila di depan Dr Mahathir, beliau cukup menjaga Dr Mahathir sehingga tiada menteri lain menjaga Dr Mahathir sepertinya. Berapa tindakan Dr Mahathir tidak disenangi Anwar seperti kes kontrak PETRONAS melibatkan anak Dr Mahathir, beliau sebagai Menteri Kewangan tidak bersetuju tetapi tidak boleh buat apa-apa.

Sebagai individu yang berpegang pada prinsip, Anwar wajar menghalang perkara itu supaya tidak berlaku. Hanya selepas Anwar dipecat, barulah beliau menjelaskan pendiriannya. Pada saya, bagi orang yang kononnya memperjuangkan prinsip dalam perjuangan, perkara sebegini tidak sepatutnya

berlaku. Jelas sekali Anwar mempunyai agenda dan mahu kekal dalam Kabinet Dr Mahathir sehingga sampai satu masa yang tepat, beliau akan mengambil peluang. Dalam tempoh itu, beliau akan kekal dan menjadi 'yes man'. Bagaimanapun, sebelum sempat mengambil alih kepemimpinan, Anwar sudah 'ditewaskan' Dr Mahathir.


S: Sejahau mana kerjasama Anwar - Dr Mahathir ini akan berjaya?

J: Kerjasama ini tidak akan berpanjangan kerana mereka ada agenda masing-masing. Dr Mahathir mahukan anaknya, Datuk Seri Mukhriz menjadi Perdana Menteri dan sesiapa sahaja yang boleh dijadikan calon sebelumnyanya, akan dijadikan batu loncatan. Ketika ini, beliau melihat Anwar sebagai orang yang layak menjadi Perdana Menteri sebelum menyerahkan kepada anaknya, kerana beliau merasakan masa sudah agak suntuk baginya.

Ini adalah politik, jadi kita tidak boleh menolak kemungkinan yang ada. Dr Mahathir masih mempunyai banyak pilihan lain, tetapi beliau memikirkan cara yang boleh menghasilkan satu keputusan dikehendakinya segera. Sebelum ini, satu persatu isu seperti mewujudkan krisis dalam UMNO - menukar Presiden parti dalam kalangan pemimpin UMNO tetapi tidak mendapat sambutan, begitu juga krisis 1MDB. Dr Mahathir mula mengintai peluang itu dalam pembangkang dan mewujudkan deklarasi rakyat - yang wujud pelbagai penipuan dan perkara tidak sepatutnya. Dr Mahathir melihat peluang yang boleh dipertimbangkan adalah faktor Anwar.

S: Bagaimana pula dengan Anwar, adakah beliau mahukan ahli keluarganya menyambung legasinya jika berjaya menjadi Perdana Menteri?

J: Anwar seorang yang memastikan jaminan perjalanan politiknya dan akan melantik calon daripada kalangan individu dipercayainya sahaja. Perkara itu tidak mustahil kerana sebelum ini, cubaan Anwar menobatkan isterinya, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail adalah petunjug jelas. Kita boleh katakan tidak ada pakatan yang luhur antara Anwar dan Dr Mahathir tetapi masing-masing mempunyai agenda tersendiri. Anwar dengan agenda mahu menjadi Perdana Menteri dan Dr Mahathir mahukan anaknya Mukhriz menjadi Perdana Menteri.



Anwar sebenarnya tidak pernah ambil peduli apa kehendak ahli sejak dulu. Banyak keputusan beliau adalah keputusan sendiri"

Anuar Shaari, Bekas Setiausaha Politik Anwar Ibrahim